

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 JUNE 2017

# Amal penyelesaian kreatif, inovatif: PM

BH- 1/6/2017 Pg. 2

➔ Penjawat awam perlu usaha tahap maksimum untuk Malaysia menuju wawasan TN50

**Oleh Irwan Shafrizan Ismail**  
irwansha@bh.com.my

✦ **Putrajaya**

**D**atuk Seri Najib Razak mahu penyelesaian secara kreatif dan inovatif diamlkan penjawat awam bagi mencapai sasaran lonjakan berganda untuk Malaysia menuju wawasan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Perdana Menteri berkata, kaki-tangan awam juga perlu berusaha ke tahap kemampuan maksimum atau melebihi had dan menolak sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian yang 'lebih kurang atau OK' sahaja.

"Perkhidmatan awam adalah teras dan tulang belakang kerajaan, saya tidak mungkin jadi Perdana Menteri yang berkesan tanpa so-

kongan perkhidmatan awam. Saya selalu tanya saya nak apa? Saya nak penyelesaian kreatif dan inovatif, sebab kita mahu mencapai lonjakan berganda untuk Malaysia.

## **Mesti berusaha lebih**

"Kita mesti berusaha lebih, jangan terima lebih kurang, saya tak nak dengar perkataan 'lebih kurang' atau okey. Jika kita buat secara bersama, hasilnya lebih besar, menyeluruh dan bermakna," katanya pada sesi Dialog TN50 Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam di Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Selain itu, Najib berkata, Pusat Transformasi Bandar (UTC) adalah satu daripada contoh penyelesaian kreatif yang membantu meningkatkan produktiviti jabatan dan agensi kerajaan, selain turut mendapat pengiktirafan dunia.

"Apabila ada pelbagai jabatan dan agensi di bawah satu bumbung, produktiviti bertambah selain mewujudkan pertandingan sihat antara agensi bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

## **Perubahan drastik**

"Dunia kini banyak perubahan drastik dan jika menolak perubahan, kita akan ketinggalan, contohnya perkhidmatan Uber yang bermula pada 2009 dengan dua kereta di San Francisco, Amerika Syarikat.

"Hari ini, Uber sediakan tiga juta kereta sehari di 66 negara, maknanya pemilik Uber fikir penyelesaian kreatif dan inovatif," katanya.

Mengulas aspirasi seorang penjawat awam mahu sekolah satu aliran diwujudkan menjelang

2050, Perdana Menteri berkata, beliau turut membayangkan kewujudan sekolah satu aliran pada masa depan bertujuan mengukuhkan kesatuan nasional dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

"Semua orang mahukan negara yang aman pada 2050, tetapi bagaimana mencapainya, ada cadangan kita mulakan dari sekolah, namun (sekolah satu aliran) adalah perkara cukup sensitif kerana Malaysia ada sistem aliran berbeza.

"Justeru, apa jalan penyelesaiannya, kita bukan nak tutup sekolah Cina dan Tamil tetapi memilih satu sekolah yang mana bahasa kebangsaan dijadikan bahasa pengantar, bahasa Inggeris diperkasakan, manakala bahasa Mandarin dan Tamil dijadikan pilihan wajib termasuk bahasa Arab," katanya.